

TEKS UCAPAN:

PROMPTER DISEDIAKAN

YANG AMAT BERHORMAT

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI &

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MEI KKDW

PADA:

8 MEI 2025 (KHAMIS)

LOKASI:

DEWAN LESTARI

ARAS B1, KKDW

Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, hari ini saya berdiri di hadapan warga KKDW bukan sekadar untuk berbicara, tetapi untuk mengangkat satu tekad bersama — tekad memperjuangkan nasib dan masa depan masyarakat desa. Kehadiran kita di sini bukan sekadar mengisi kerusi kosong; tetapi saya percaya setiap seorang daripada anda hadir dengan penuh iltizam untuk membawa perubahan sebenar kepada negara.

2. Sebagai penjawat awam — sama ada pemandu, setiausaha, atau pegawai pelaksana — setiap daripada kita memegang peranan penting dalam merencana hala tuju Kementerian. Kita telah menelusuri pelbagai langkah penting, termasuk Permukiman KKDW di Bahang Bay yang telah melahirkan 42 *game changer* untuk memangkin pembangunan desa.

3. Kemudian, saya telah membentangkan hala tuju Kementerian semasa permukiman Jemaah Menteri – dicerakin dan diperhalusi pelaksanaannya di permukiman KSU-KP bagi memastikan setiap strategi diterjemah menjadi realiti.

4. Tetapi saudara-saudari sekalian, kita tidak boleh berhenti di sini. Usaha kita ini memerlukan kesatuan hati dan tenaga. Sebab itulah, apabila YAB Perdana Menteri berjumpa dengan kita baru-baru ini, beliau menyampaikan mesej yang amat jelas di mana :

5. Beliau mahu KKDW segera memperkukuh pelaksanaan projek asas untuk rakyat luar bandar. Kita tidak boleh sekadar menabur janji.. tetapi melakukan kerja yang boleh dilihat, dirasai, dan dihargai oleh masyarakat desa.

6. Beliau juga mengingatkan, pemantauan mesti dilakukan secara rapat dan menyeluruh. Laporan mesti dikemukakan dengan tepat kepada Menteri Kabinet, dan segala isu mesti diselesaikan segera.

7. Lebih penting, beliau mahu KKDW memimpin perubahan masa depan. Bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik) — mesti jadi keutamaan, dengan sekurang-kurangnya 70 peratus pelajar baharu MRSM memilih aliran ini, kerana beliau melihat inilah tiket untuk anak desa menghadapi gelombang cabaran global.

8. Untuk semua ini berhasil, kita perlu data yang lengkap… bukan anggaran semata-mata. Kita perlu fakta, bukan andaian. Hanya dengan itu, kita boleh pastikan setiap bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan, supaya tiada siapa yang tercicir dalam Agenda Transformasi Desa.

9. Melihat kepada garis masa yang kita lalui ini - arah tuju Kementerian kita sudah jelas. Panduannya kukuh. Tinggal lagi satu perkara untuk kita perlu perkemas - iaitu tindakan. Kerja yang kita lakukan tidak boleh hanya hanya cantik di atas kertas, tetapi benar-benar mencatat perubahan di lapangan.

10. Justeru, di awal bicara ini **saya mahukan kita mewujudkan satu jadual prestasi bulanan yang lengkap, menyeluruh, dan telus.** Kita mesti bergerak berdasarkan data, mendahului cabaran, memimpin dengan maklumat, dan menjawab dengan keyakinan.

11. Percayalah, saya tidak mampu melakukannya seorang diri. Hanya dengan kekuatan bersama, kita mampu memperkukuh keyakinan rakyat dan memastikan setiap usaha yang dicurahkan benar-benar membawa pulangan besar kepada bangsa dan negara.

DARI ANJAKAN KECIL KE GELOMBANG BESAR PERUBAHAN DESA

Hadirin sekalian,

12. Kalau kita imbas kembali perjalanan lebih dua tahun ini, Alhamdulillah, kita telah menyaksikan begitu banyak kejayaan yang luar biasa. Program Pra Tahfiz KEMAS, TVET@KKDW, MRSM Ulul Albab, dan pelbagai program baru di bawah Kementerian telah mencipta impak yang semakin dirasai masyarakat.

13. Siapa sangka, RISDA melalui jenama RisSmart yang baru diperkenalkan akhir tahun lalu, kini mempunyai 11 cawangan **RisSmart24 yang menawarkan lebih 280 produk usahawan pekebun kecil - dengan anggaran jualan di antara RM50 ribu hingga RM120,000 sebulan**… dan bolehlah saya katakan rangkaian RisSmart ini mampu berdiri setanding 7Eleven dan Speedmart.

14. FELCRA juga tidak ketinggalan — sekarang kita dah ada **Kompleks Ternakan Ayam Pedaging Sistem Tertutup di Pahang yang mampu mengeluarkan 1.5 juta ekor ayam setahun** dan **menghasilkan produk hiliran seperti Minyak Masak Hemat** bagi memenuhi keperluan rakyat secara terus.

15. Sebab itu saya tekankan dari dahulu lagi, dan kini menjadi prinsip gerak kerja Kementerian - kita mesti berani melakukan anjakan, keluar daripada kepompong keselesaan, dan mencabar sempadan kebiasaan. Namun, saya ingin tegaskan, **jangan berhenti di sini**. Ini baru permulaan. Kita mesti terus *push* - terus mara ke hadapan.

16. Tambahan itu, kini kita bakal mewujudkan projek-projek baharu seperti **DesaHaven** dan **IKONDESA**, memperluaskan peranan **PKD Mobile** dan **Rural Business Challenge (RBC)** serta banyak lagi inisiatif-inisiatif baharu yang bakal membawa pembaharuan kepada kehidupan masyarakat luar bandar.

17. Melangkah kehadapan, saya mahu kita menyantuni para pemegang taruh dengan lebih dekat. Kita mesti **menggiatkan sesi libat urus atau *engagement* dengan seluruh Komuniti KKDW.**

18. Program-program sebegini penting untuk menggerakkan mobiliti komuniti desa secara besar-besaran - kerana menjadi tanggungjawab kita memastikan setiap program yang dilaksanakan benar-benar menyentuh hati rakyat dan membawa perubahan besar dalam hidup mereka.

19. Sebagai contoh, KEMAS — saya mahu kita **menggerakkan semula libat urus bersama ibu bapa dan pendidik**, supaya kita

dapat menilai keberkesanan setahun pelaksanaan Program Pra Tahfiz KEMAS, dan mendengar sendiri maklum balas serta cadangan untuk penambahbaikan khususnya **pengwujudan Tabika Berkeperluan Khas.**

20. Begitu juga dengan *Program Engagement* bersama JPKK, JPKKP, dan JKDM. Saya mahu untuk program seterusnya, kita kumpulkan Komuniti Desa ini di Sabah - yang Insya-Allah saya sendiri akan hadir bersama.

21. Sebelum ini, RISDA telah menganjurkan konvensyen dengan 1,000 orang pegawai lapangannya, MARA pula menggerakkan tenaga pengajar dan alumni, dan saya mahu gerakan mobilisasi desa seperti ini diteruskan secara konsisten. Percayalah, mereka ini adalah **duta-duta kecil** yang akan menjadi pemudahcara, penyampai maklumat, dan penggerak utama kepada segala usaha kita di peringkat agensi mahupun kementerian.

BELIA DESA MALAYSIA: DARI KAMPUNG KE PENTAS DUNIA

Hadirin sekalian,

22. Bila kita berbicara tentang mobilisasi desa besar-besaran, kita tidak boleh menafikan satu hakikat penting - **belia luar bandar adalah aset strategik negara.** Mereka bukan sekadar pewaris bangsa, tetapi pemacu masa depan Malaysia.

23. Menurut kajian, lebih 70 peratus tenaga kerja negara akan terdiri daripada generasi muda. Ini bermakna, apa jua yang kita rancang hari ini untuk belia akan menentukan wajah Malaysia.

24. Dalam dunia yang penuh ketidaktentuan — perang perdagangan yang semakin rumit, perubahan iklim yang menggugat, revolusi teknologi yang begitu pantas — kita tidak boleh membiarkan belia kita selesa di dalam kepompong perdesaan. Mereka perlu bergerak melangkaui batas. Tetapi untuk mencipta anjakan ini, mereka memerlukan bimbingan dan sokongan. Di sinilah terletaknya peranan kita bersama.

25. Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan RM500,000 untuk Kursus Kecemerlangan Belia Luar Bandar. Tetapi itu tidak memadai dan saya mahu kita berfikir lebih jauh dan bergerak lebih berani.

26. Justeru, saya **mencadangkan KKDW merangka pembangunan belia desa** — belia yang bukan hanya celik digital, tetapi juga berpendidikan, mempunyai skil berkemahiran, dan mampu beradaptasi dalam apa jua keadaan. Saya mahu satu hari nanti lahirnya **Hab Gig Desa** yang membuka peluang pekerjaan baharu, lahirnya **Duta Belia Desa** yang menjadi suara generasi baru, serta terbinanya **Program Pertukaran Belia Desa ASEAN**

yang membawa belia kita untuk menimba ilmu dan pengalaman di pentas antarabangsa.

27. Saya serahkan kepada pihak Kementerian untuk mencorak dan mewarnainya dengan **melibatkan semua agensi dibawah KKDW melalui satu platform atau jawatankuasa** - kerana yang penting matlamat kita jelas - saya mahu **Belia Desa Malaysia** mampu meneroka dunia, melangkaui sempadan, dan bersaing gagah di pentas global.

PENUTUP : MENERAJUI PEMBANGUNAN DESA SECARA MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Hadirin sekalian,

28. Di akhir kata ini, saya tekankan sekali lagi kepada KKDW dan seluruh agensi di bawahnya - kita mesti berani meneroka peluang baharu, bijak memanfaatkan kekuatan yang sedia ada, dan sentiasa melihat ke hadapan. Lihatlah kejayaan **KEDA yang telah membantu lebih 35,000 peserta melalui projek-projek pertanian berimpak tinggi dan sebanyak 21,000 ekar tanah diusahakan dengan peningkatan pendapatan melebihi 30 peratus** — inilah kisah-kisah kejayaan rakyat yang membanggakan kita semua.

29. Sebagai penganjur majlis hari ini, saya berharap KEDA akan terus membuka ruang baharu untuk mencipta pencapaian lebih besar. Sejak penubuhannya 44 tahun lalu, **KEDA telah membawa peruntukan RM2.38 bilion kepada penduduk negeri Kedah** — satu angka yang bukan kecil dan rakyat Kedah kini merasainya.

30. Namun selalu saya ingatkan - untuk berjaya itu sukar, tetapi untuk mempertahankan kejayaan itu jauh lebih sukar. Tetapi saya percaya, dengan sistem yang mantap, proses kerja yang cekap, dan semangat juang yang tidak pernah padam - kita mampu melakukannya bersama.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.